

0011

Mahathir - USNO

SAH USNO DISINGKIR DARIPADA BN. KATA MAHATHIR

JITRA, 3 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata USNO telah disingkirkan daripada Barisan Nasional (BN) setelah semua parti komponen BN bersetuju untuk menyingkirkannya ekoran tindakannya membentuk kerajaan campuran dengan Parti Bersatu Sabah (PBS) di Sabah.

Perdana Menteri berkata, ketetapan untuk menyingkirkan USNO telah dibuat oleh BN sebelum ini dan soal mendapatkan persetujuan parti komponen itu hanya merupakan formaliti sahaja.

"Keputusan telah dibuat untuk menyingkir (USNO) kalau mendapat persetujuan dan persetujuan sudah didapati, saya fikir USNO disingkirkan," kata Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN kepada pemberita selepas merasmikan Hospital Kubang Pasu di sini hari ini.

Ketika menjawab soalan lain, beliau berkata, BN tidak perlu mengadakan mesyuarat lain untuk menyingkirkan USNO kerana ketetapan mengenainya sudah dibuat dan hanya perlu menentukan tarikh untuk menyingkirkannya sahaja.

Tambahan pula, katanya, soal penyingkiran USNO yang beliau sifatkan sebagai "parti yang tiada pendirian" merupakan perkara kecil dan tidak memerlukan mesyuarat lanjut.

Katanya, yang penting, parti itu mesti disingkirkan.

Mengenai enam anggota Dewan Undangan Negeri Sabah dari USNO yang kini menyertai UMNO dan dikatakan menerima surat tunjuk sebab daripada USNO bagi menentukan kedudukan mereka dalam parti itu, Dr Mahathir berkata, mereka tidak perlu menjawab surat itu kerana mereka bukan lagi anggota USNO setelah menyertai UMNO.

"Orang bukan dalam UMNO tidak ada hak bertanya orang UMNO tentang apa-apa perkara pun," katanya. -- Lagi.

▼03/05/15-17MST

CNS4061

U GB 03-05 00141 BA049

bah

Mahathir - USNO 2 Jitra

Ketika ditanya mengenai implikasi keenam-enam bekas anggota USNO itu boleh disingkirkan daripada Dewan Undangan Negeri Sabah, beliau berkata:

"Itu satu ketidakadilan yang dijanjikan oleh kerajaan PBS. Biasanya mereka tidak boleh menyingkirkan seseorang dewan kerana kesalahan seperti itu kalau ia tidak diputuskan oleh pihak yang lain...mahkamah umpamanya.

"Tetapi dia sendiri membuat keputusan dalam keadaan dia mendapat majoriti...saya ingat, kalau macam ini, BN boleh singkir semua anggota PBS dalam Parlimen...boleh singkir DAP, PAS...di mana duduknya demokrasi?"

Beliau berkata, sekiranya keenam-enam mereka itu disingkirkan daripada Dewan Undangan Negeri, tindakan yang boleh diambil oleh BN ialah membuat tuntutan di mahkamah.

Kepada soalan mengenai permohonan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) untuk menyertai semula BN3 di Sarawak, Dr Mahathir berkata, perkara itu merupakan urusan BN negeri berkenaan. -- Lagi.

▼03/05/15-34MST

CNS4062

U GB 03-05 00089 BA050

bah

Mahathir - USNO 3 (Akhir) Jitra

Katanya, PBDS memang anggota BN di peringkat nasional dan terpulanglah kepada BN negeri berkenaan membuat keputusan sama ada hendak menerima semula PBDS atau sebaliknya.

Presiden PBDS, Datuk Leo Moggie berkata di Kuching semalam, parti itu telah menghantar surat kepada Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud pada 29 Mac mengenai keputusan PBDS untuk menyertai semula BN3 yang dicapai pada mesyuarat agung luar biasanya pada 27 Mac. -- Bernama.

KHY AHH NM.